

Headline	PATI punca Tibi sukar dikawal Pangarah IPR		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	06 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	2	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	180 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 357
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,071



# PATI punca Tibi sukar dikawal: Pengarah IPR

**KUALA LUMPUR:** Jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini dilihat sebagai salah satu faktor mengapa penyakit Tuberkulosis (Tibi) sukar dikawal dan dicegah, kata Pengarah Institut Perubatan Respiratori (IPR) Datuk Dr Abdul Razak Muttalif.

Beliau berkata kebanjiran Pati yang tidak melakukan pemeriksaan kesihatan yang diselia oleh Agensi Pemantauan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (Fomema) menjadi pembawa utama penyakit itu TURUT merebak di kalan-gan penduduk negara ini.

"Melalui perhatian IPR, kami lihat faktor Pati yang tidak melakukan pemeriksaan kesihatan setelah tiba di Malaysia berpotensi menjadi pencetus merebaknya penyakit ini.

"Selain itu, faktor kurangnya kese-daran umum pesakit juga merupakan

mengapa penyakit ini yang boleh dirawat menjadi sukar untuk dicegah," katanya kepada Bernama di pejabatnya di sini kelmarin.

Katanya kebanyakannya pesakit Tibi tempatan yang tidak dapat dirawat adalah disebabkan mentaliti pesakit yang menganggap bahawa simptom batuk kering adalah batuk biasa.

"Saya hairan dengan pemikiran masyarakat kita terutamanya orang Melayu yang sering menyalah tafsir batuk kering yang dihadapi dengan merujuk dengan ahli perubatan tradisional.

"Mereka (pesakit) lebih cenderung untuk mendapatkan rawatan tradisional walhal simptom batuk kering tersebut berpunca daripada Tibi," katanya.

Antara simptom Tibi adalah batuk yang berpanjangan melebihi dua minggu, hilang selera makan, demam, berpeluh waktu makan, susut berat badan dan

batuk berdarah.

Dr Abdul Razak turut menegur men-taliti pesakit tibi yang beranggap simptom batuk kering yang dihadapi berpunca daripada ilmu hitam.

Katanya tempoh lama yang diambil untuk merujuk dengan doktor menyebabkan masalah Tibi yang dialami makin merebak ke paru-paru. Beliau juga memaklumkan pembawa Human Immunodeficiency Virus (HIV) merupakan individu yang 20 kali ganda berisiko untuk terkena jangkitan Tibi.

"Pesakit HIV lebih terancam mendapat Tibi disebabkan sistem pertahanan badan mereka yang tidak kuat," katanya.

Katanya sebanyak 20,666 kes Tibi telah dilaporkan di Malaysia tahun lepas, manakala tahap Pencegahannya masih tidak mencapai 85 peratus seperti yang ditetapkan oleh IPR pada tahun lepas.-Bernama